

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

SETANPA JUDIS

Oleh ZAINUDDIN AYIP

KUALA LUMPUR, Ahad — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam menegaskan, kesetiaan kepada negara perlu diwujudkan tanpa batasan prejudis keturunan, bahasa, agama dan budaya.

Kesetiaan, kata beliau, harus lahir dari kesediaan untuk mengabdikan kebenaran, kepercayaan dan perjuangan terhadap negara.

"Janganlah kesetiaan itu berasaskan kepada kepentingan peribadi atau kepentingan golongan tertentu saja," kata Datuk Musa ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-30 di Wisma MCA di sini, hari ini.

Beliau juga Timbalan Pengerusi Barisan Nasional berkata, kesetiaan terbukti dari gerak-geri, tindak tanduk perbuatan dan kelakuan, bahasa dan tutur kata serta hasrat dan aspirasi rakyat selaras dengan nilai, tatasulia, amalan, konsep dan dasar yang ada dalam sistem kehidupan.

Kesetiaan dalam konteks Malaysia, tegasnya, harus lahir dengan penglibatan yang tidak berbelah bagi terhadap pengemblemn segala usaha dan tenaga secara total untuk mewujudkan negara yang aman, makmur, sejahtera, bersatu padu dan disegani masyarakat antarabangsa.

Kesetiaan

Menurut Datuk Musa, kesetiaan adalah dedikasi yang lahir hasil pertimbangan teliti terhadap kehendak dan permintaan negara yang sedang dalam proses menyusun semula masyarakat, proses menutup jurang kemiskinan dan proses menanam semangat kebangsaan serta perpaduan dalam erti kata sebenar.

"Proses-proses ini kesemuanya terkandung dalam semangat dan hasrat Dasar Ekonomi Baru," katanya lagi.

Sambil mengingatkan supaya kesetiaan itu tidak berasaskan kepada ukuran kepentingan peribadi atau kepentingan golongan tertentu saja, Pemangku Perdana Menteri menegaskan:

"Janganlah kesetiaan itu ditetapkan mengikut-mengikut kerana kita kurang puas hati terhadap beberapa

polisi atau keputusan yang digubal dan dibuat untuk kepentingan ramai.

"Saya berpendapat demikian kerana kesetiaan yang tidak berbelah bagi adalah kesetiaan yang tulen dan tetap tersemat di jiwa kita, walaupun kita kurang puas hati terhadap sesuatu polisi atau pun perkara yang dilaksanakan oleh Kerajaan," tambahya lagi.

Beliau mensifatkan bahawa kesetiaan yang hanya wujud sesudah benar-benar berpuas hati terhadap semua perkara dalam sistem hidup dan pemerintahan di negara ini, bukanlah kesetiaan dalam erti kata sebenarnya.

"Pada saya, ini lebih merupakan sifat mementingkan diri sendiri," tegasnya lagi.

Datuk Musa seterusnya menegaskan: "Sekiranya kita memerlukan segala kepuasan secara total atau menyeluruh sebagai satu syarat untuk melahirkan kesetiaan, maka kesetiaan itu tidak akan sama sekali terdapat di Malaysia.

"Ini adalah kerana kepuasan secara total memang mustahil dirasai segenap lapisan masyarakat di negara ini," jelasnya.

Misalnya, jelas beliau, masyarakat Melayu sentiasa hidup dengan rasa kurang puas hati terhadap banyak perkara.

"Keturunan Cina pula akan terus merasa tidak puas hati akibat faktor-faktor tertentu juga, manakala kaum India juga pasti akan kurang puas hati terhadap beberapa polisi dan isu. Demikian juga masyarakat Iban, Kadazan dan lain-lain," tegasnya lagi.

Perbezaan-perbezaan ini, kata beliau, harus diterima sebagai realiti masyarakat Malaysia yang majmuk.

"Yang pentingnya, selain menerima realiti ini, kita telah berusaha bersama-sama dan bermuafakat atas cara-cara untuk menghapuskan atau sekurang-kurangnya merapatkan jurang perbezaan ini," tegasnya lagi.

Huriah panjang mengenai masalah kesetiaan ini, kata Datuk Musa berakut rapat dengan usaha mewujudkan negara Malaysia yang lebih gemilang di tahun-tahun akan datang.